

08 AUG 2002

Mahathir-Pendatang

MALAYSIA TERPAKSA KURANGKAN JUMLAH PENDATANG ASING

Oleh: Mohd Kamel Othman

DENPASAR (Bali), 8 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia terpaksa mengurangkan jumlah pendatang asing yang tidak mempunyai pekerjaan kerana ada yang terlibat dalam kegiatan yang tidak diingini.

Perdana Menteri berkata kegiatan yang tidak diingini yang dilakukan pendatang asing telah menimbulkan perasaan kurang senang di kalangan rakyat Malaysia.

Malaysia mempunyai dua juta pendatang asing dan dalam sebuah negara yang mempunyai jumlah penduduk 22 juta, ini bermakna hampir 10 peratus daripada penduduk Malaysia terdiri daripada pendatang asing, kata Dr Mahathir.

Beliau berkata demikian pada persidangan media bersama Presiden Megawati Sukarnoputri selepas mengadakan perbincangan dua hala di Istana Tampaksiring.

Menurut beliau, Malaysia sememangnya memerlukan tenaga rakyat asing untuk bekerja di sektor-sektor tertentu tetapi kadang-kadang ada yang datang tanpa dokumen yang diperlukan mengikut saluran yang ditentukan.

"Ini bukan melibatkan pekerja dari Indonesia sahaja tetapi dari negara lain termasuk Afrika, katanya.

Perdana Menteri berkata bagi pekerja asing yang mempunyai pekerjaan, ini tidak mendatangkan banyak masalah dan kerajaan Malaysia mahu mereka terus bekerja dengan menghormati undang-undang Malaysia.

"Tetapi ramai yang tidak mempunyai apa-apa pekerjaan dan terlibat dalam kegiatan yang tidak diingini yang menyebabkan rakyat Malaysia kurang senang hati," kata beliau.

Sebagai pemerintah, keselamatan rakyat perlu dijaga dan Malaysia terpaksa mengurangkan bilangan mereka yang datang secara haram dan yang tidak mempunyai pekerjaan, katanya.

Dr Mahathir berkata kebanyakan pendatang asing di Malaysia adalah dari Indonesia.

"Kita telah beri masa yang cukup untuk mereka kembali ke tanah air tetapi malangnya mereka menunggu untuk saat-saat akhir untuk pulang sehingga berlaku kesesakan.

"Dalam kesesakan itu, tidak dapat tidak berlaku kekasaran mungkin daripada kakitangan kerajaan Malaysia," kata beliau.

Perdana Menteri berharap insiden seperti itu tidak menjadi sesuatu yang akan memburukkan hubungan antara dua jiran terdekat itu.

"Saya juga mendapat pengakuan daripada kerajaan Indonesia bahawa mereka faham apa yang berlaku," katanya.

Mengenai pertemuannya dengan Megawati, Dr Mahathir berkata ia berjalan dalam suasana persahabatan dan walaupun terdapat masalah antara jiran, ia bukanlah perkara yang besar sehingga tidak boleh diselesaikan.

Perdana Menteri berkata mereka turut menyentuh soal perdagangan yang pada waktu ini berpihak kepada Indonesia.

"Ini tidak menjadi masalah kepada Malaysia kerana kita ingin melihat peningkatan dagangan antara Malaysia dan Indonesia. Kita masih berpendapat bahawa perkembangan dalam bidang ini masih boleh diadakan dan ia akan memberi keuntungan kepada kedua-dua belah pihak," kata beliau.

Dr Mahathir yang mengundang Megawati untuk ke Malaysia tahun depan berkata secara umumnya, perbincangan kali ini amat berguna dan berhasil sambil berharap ia dapat diteruskan setiap tahun.

"Kalau ada apa-apa masalah dan perlu dirundingkan, kita tidak perlu tunggu tahun depan. Kalau ada keperluan untuk berjumpa, kita akan cuba bertemu, tidak kira masa atau tempat, untuk berbincang dan merapatkan lagi hubungan Malaysia-Indonesia," katanya.

Kedua-dua pemimpin juga telah menyaksikan majlis menandatangani lima memorandum persefahaman (MoU).

Memorandum persefahaman yang ditandatangani ialah berhubung kerjasama dalam bidang keluarga dan hal ehwal wanita, hal ehwal imigresen, kerjasama antara majlis perniagaan Malaysia-Indonesia dan mengenai bekalan baru gas dari Indonesia.

Satu lagi MoU ialah antara Malaysia, Indonesia dan Thailand berhubung langkah untuk menstabilkan harga dan pasaran getah supaya tidak menjejaskan negara-negara pengeluar komoditi itu.

Perdana Menteri Thailand Thaksin Sinawatra, yang tiba di sini hari ini, turut hadir untuk menyaksikan majlis berkenaan.

Dr Mahathir dan Megawati juga telah menyaksikan pelancaran Lembaga Persahabatan Indonesia-Malaysia (PRIMA) dan Lembaga Persahabatan Malaysia-Indonesia (PERMAI).

-- BERNAMA

MKO MAD MAM RON